جابتن حال إحوال اكام إسلام ڤولاو ڤينڠ

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG

TEKS KHUTBAH

SERUAN ISTITO'AH

Tarikh Bacaan:

6 NOVEMBER 2026M / 26 JAMADILAWWAL 1448H

Dibiayai :

MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG

Jawatankuasa
Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang

1. **Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**
   Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang

2. **YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
   Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang

3. **YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
   Mantan Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
   Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)

4. **YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
   Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun

5. **YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
   Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
   Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang

6. **YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
   Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
   Universiti Sains Malaysia

7. **YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
   Pendakwah

8. **Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**
   Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
   Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)

Seruan Istito'ah

6 November 2026M/ 26 Jamadilawwal 1448H

(Khutbah Khas LTH)

الْحَمْدُ لِلَّهِ القَائِلْ: ... وَلِلَّهِ عَلَى ٱلنَّاسِ حِجُّ ٱلْبَيْتِ مَنِ ٱسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا ۚ وَمَن كَفَرَ فَإِنَّ ٱللَّهَ غَنِيٌّ عَنِ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٩٧﴾ سورة ال عمران

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،

وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، أَرْسَلَهُ اللَّهُ رَحْمَةً لِلْعَالَمِينَ، وَهَادِيًا إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Khatib menyeru kepada diri sendiri dan sidang jemaah sekalian agar kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita memperoleh kejayaan di dunia dan kebahagiaan di akhirat.

Marilah kita memberikan sepenuh perhatian dan menghayati khutbah yang disampaikan agar setiap peringatan dapat dijadikan pedoman dalam kehidupan. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk: **Seruan *Istita'ah.***

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Firman Allah سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ dalam Surah Ali ‘Imran ayat 97 yang dibaca di awal khutbah, maksudnya:

"Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan haji dengan mengunjungi Baitullah, iaitu (bagi) orang yang mampu sampai kepadanya dan sesiapa yang kufur (ingkar akan kewajipan ibadat haji itu), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak berhajat sesuatu pun) daripada seluruh makhluk."

Ayat ini mengingatkan kita bahawa ibadah haji diwajibkan kepada mereka yang memenuhi syarat kemampuan atau ***Istita‘ah***, termasuk kemampuan kewangan dan keupayaan untuk melakukan perjalanan. Justeru, hasrat menuju Baitullah, wajar disertai perancangan yang baik, bukan sekadar angan-angan.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Ada antara kita yang beranggapan bahawa simpanan haji hanya boleh dimulakan apabila wang sudah terkumpul banyak. Hakikatnya, simpanan kecil yang dilakukan secara berterusan dapat membantu kita merancang kemampuan secara beransur-ansur. Setelah keperluan asas, nafkah keluarga dan tanggungan ditunaikan, asingkanlah sejumlah wang mengikut kemampuan. Tabung Haji menyediakan kemudahan simpanan dan perancangan bagi umat Islam di Malaysia yang berhasrat menunaikan ibadah haji.

Marilah kita memanfaatkan kemudahan ini dengan merancang lebih awal dan menyimpan mengikut kemampuan masing-masing. Jadikanlah hasrat untuk menjadi tetamu Allah sebagai sebahagian daripada

perancangan hidup keluarga. Bincangkan bersama pasangan, didik anak-anak tentang kepentingan ibadah haji dan mulakan simpanan walaupun dengan jumlah yang sederhana.

Jangan kita menyangka bahawa persediaan haji hanya bermula apabila menerima surat tawaran atau ketika memakai ihram. Persediaan itu bermula lebih awal melalui rezeki yang halal, simpanan yang berdisiplin, ilmu yang dipelajari, kesihatan yang dijaga dan hati yang dibersihkan. Haji yang mabrur bukan hanya perjalanan tubuh menuju Kaabah, tetapi juga perjalanan hati menuju Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ.

Rasulullah صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ bersabda:

...وَالْحَجُّ الْمَبْرُورُ لَيْسَ لَهُ جَزَاءٌ إِلَّا الْجَنَّةُ

Maksudnya: *"Dan haji yang mabrur, tidak ada balasan baginya melainkan syurga."* (Hadis Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Oleh itu, marilah kita mengurus harta dengan bijaksana. Jangan sampai harta melalaikan kita daripada Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ. Sebaliknya, jadikanlah harta sebagai jalan untuk mendekatkan diri kepada-Nya. Berbelanjalah secara sederhana, elakkan pembaziran dan jauhilah sifat bakhil. Firman Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ dalam Surah al-Furqan, ayat 67:

وَٱلَّذِينَ إِذَآ أَنفَقُواْ لَمۡ يُسۡرِفُواْ وَلَمۡ يَقۡتُرُواْ وَكَانَ بَيۡنَ ذَٰلِكَ قَوَامٗا ٦٧

Maksudnya: *"Dan mereka (yang diredai Allah itu juga ialah) orang yang apabila membelanjakan hartanya, mereka tidak berlebihan dan tidak pula*

bakhil, bahkan mereka bersederhana antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu."

Semoga setiap ringgit yang dicari secara halal, disimpan dengan niat yang baik dan dibelanjakan pada jalan yang diredai Allah menjadi bekalan menuju keredaan-Nya. Mudah-mudahan Allah سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ menjemput kita dan keluarga menjadi tetamu-Nya dalam keadaan sihat dan selamat, serta mengurniakan kita haji yang mabrur.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Rasulullah صَلَّىٰٱللَّهُعَلَيْهِوَسَلَّمَ bersabda, mafhumnya:

“Sesiapa yang memiliki harta benda dan kenderaan untuk menyampaikannya ke Baitullah, tetapi tidak mengerjakan haji, maka bila dia mati akan menjadi sebagai Yahudi atau Nasrani.”

(Hadis Riwayat al-Baihaqi dan al-Darimi)

Berdasarkan hadis di atas, maka para ulama bersepakat mengenai kewajipan menunaikan ibadah haji sekali seumur hidup bagi orang yang berkemampuan. Para ulama juga bersepakat mengenai kufurnya orang yang ingkar dan menolak kewajipan menunaikan fardu haji.

Terdapat segelintir umat Islam dalam masyarakat kita yang sudah berkemampuan untuk menunaikan haji, tetapi tidak menunaikannya. Ada dalam kalangan mereka yang mempunyai harta yang berbentuk aset yang banyak seperti rumah sewa, tanah, saham, simpanan emas dan sebagainya, tetapi masih menganggap tidak mempunyai kewangan mencukupi sedangkan wajib ke atas mereka mencairkan aset tersebut

untuk melaksanakan fardu haji dan mereka sudah pun termasuk dalam kalangan orang yang berkemampuan.

Apa yang lebih menyedihkan masih terdapat sebahagian umat Islam yang tidak mendaftar untuk menunaikan haji dengan alasan belum sampai seru. Alasan ini tidak dapat diterima sama sekali, kerana seruan haji telah dinyatakan di dalam al-Quran dan sunah dengan begitu jelas dan terang. Sanggupkah mereka mati dalam keadaan Yahudi atau Nasrani, lantaran tidak menunaikan haji sedangkan sudah berkemampuan untuk menunaikannya?

Maka suka khatib mengingatkan kepada jemaah semua bahawasanya seruan Istita'ah telah diperkenalkan oleh Lembaga Tabung Haji. Ia merupakan pelan persediaan haji untuk membantu pendeposit dalam membuat persediaan untuk menunaikan ibadah haji dengan lebih mudah, ringkas dan lancar. Pendeposit akan menerima kelayakan giliran haji automatik apabila mencapai simpanan minimum RM15,000. Bermula 1 Januari 2029, kelayakan giliran haji akan diselaraskan berdasarkan pematuhan syarat simpanan minimum RM15,000.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mengakhiri khutbah, marilah kita mengambil perhatian terhadap kesimpulan khutbah pada hari ini:

Pertama: Ibadah haji diwajibkan kepada umat Islam yang berkemampuan (Istita'ah). Rancanglah kewangan dengan memulakan simpanan secara konsisten mengikut kemampuan, antaranya melalui kemudahan Tabung Haji.

Kedua: Didiklah pasangan dan anak-anak agar memahami nilai ibadah haji. Jadikan cita-cita menjadi tetamu Allah sebagai perancangan keluarga, bukan sekadar impian.

Ketiga: Persediaan menuju Baitullah bukan hanya dengan wang, tetapi juga dengan ilmu, kesihatan, akhlak, keikhlasan dan taubat kepada Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ.

Firman Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ dalam Surah al-Baqarah, ayat 196:

وَأَتِمُّواْ ٱلۡحَجَّ وَٱلۡعُمۡرَةَ لِلَّهِۚ ... ١٩٦

Maksudnya: *"Dan sempurnakanlah ibadah haji dan umrah kerana Allah"...*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ. أَقُوْلُ قَوْلِيْ هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْم.

Khutbah Kedua

2026M/1448H

الحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِيْن، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِنِ النَّبِيِّ الْأَمِيْنِ، وَعَلَى اٰلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِيْنَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ اِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ.

أَشْهَدُ أَنْ لآ إِلٰهَ إِلاَّ اللّٰه وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِ وَيُمِيْتُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْر، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجٍ مُنِيْر.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّمَ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ، وَزِنَةَ عَرْشِهِ ومِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اِتَّقُوْا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَاعْمَلُوْا بِطَاعَتِهِ وَمَرْضَاتِهِ.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bagi menghayati ibadah haji dengan lebih mendalam, marilah kita menelusuri sejarah dan pengorbanan jemaah terdahulu. Pada zaman perjalanan laut menjadi laluan utama ke Tanah Suci, bakal jemaah menempuh pelayaran yang panjang serta pelbagai kesukaran demi menyahut seruan Allah ke Baitullah. Negeri Pulau Pinang, khususnya Lebuh Acheh, pernah menjadi pusat tumpuan jemaah haji dari seluruh Nusantara sehingga dikenali sebagai "*The Second Jeddah*".

Sejarah dan jerih payah mereka dapat kita hayati dengan mengunjungi Galeri Haji Pulau Pinang di bawah seliaan Yayasan Islam Pulau Pinang yang merupakan galeri haji yang pertama di Malaysia. Maka jadikanlah kunjungan itu ruang untuk menambah ilmu, mengenang pengorbanan

generasi terdahulu dan mensyukuri kemudahan yang kita nikmati hari ini. Mudah-mudahan penghayatan ini menyuburkan kerinduan kita kepada Baitullah serta mendorong kita membuat persediaan untuk menjadi tetamu Allah.

Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Tahun 2023 telah memutuskan Fatwa Mengenai Hukum Tajaan Menunaikan Ibadah Haji dan Umrah dengan Menggunakan Sumber Zakat adalah **tidak harus** berdasarkan pandangan yang ***asoh*** (اَصَحْ) dalam Mazhab Al-Syafie.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ ٱللَّهَ وَمَلَٰٓئِكَتَهُۥ يُصَلُّونَ عَلَى ٱلنَّبِيِّۚ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ صَلُّواْ عَلَيْهِ وَسَلِّمُواْ تَسْلِيمًا.

اللَّهُمّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّيْنِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّيْنَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِيْنَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ.

اللَّهُمَّ انْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُجَاهِدِيْنَ وَالْمُسْتَضْعَفِيْنَ فِي فَلَسْطِيْن وَفِي كُلِّ مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَئِمَّتَنَا وَوُلَاةَ أُمُوْرِنَا، وَاجْعَلْ وِلَايَتَنَا فِيْمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ الْعَالَمِيْن. اللَّهمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا خُصُوْصًا وِلَايَةَ قُوْلَاو قِيْنَغ آمِنًا مُطْمَئِناً سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيْمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفِّقْ قَادَتَنَا وَزُعَمَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُوْرِنَا لِمَا فِيْهِ عِزُّ دِيْنِكَ وَنَصْرُ شَرِيْعَتِكَ، اللَّهمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهتَدِيْنَ صَالِحِيْنَ مُصْلِحِيْنَ وَاشْمَلِ اللَّهمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيْقِكَ عَلَى صَاحِبِ الجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذٰلِكَ صَاحِبِ الفَخَامَةْ،

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Mulia Toh Puan Raja Dato' Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah.

"Ya Allah, dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, kurniakanlah kepada kami dan keturunan kami hidayah serta kekuatan untuk terus istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Zakat MAINPP dan melaksanakan wakaf melalui Wakaf MAINPP.

Ya Allah, rahmatilah para pembayar zakat dan para pewakaf sekalian. Terimalah segala amal kebajikan mereka, berkatilah rezeki mereka, dan jadikanlah sumbangan mereka sebagai amal jariah yang terus mengalir pahalanya serta menjadi bekalan mereka di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dalam memperkasa pengurusan zakat dan wakaf, agar terus menjadi instrumen yang menyantuni golongan yang memerlukan, memperkasa kehidupan ummah dan membina keseimbangan sosioekonomi di negeri yang tercinta ini."

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّه! إِنَّ ٱللَّهَ يَأۡمُرُ بِٱلۡعَدۡلِ وَٱلۡإِحۡسَٰنِ وَإِيتَآيِٕ ذِي ٱلۡقُرۡبَىٰ وَيَنۡهَىٰ عَنِ ٱلۡفَحۡشَآءِ وَٱلۡمُنكَرِ وَٱلۡبَغۡيِۚ يَعِظُكُمۡ لَعَلَّكُمۡ تَذَكَّرُونَ. فَاذْكُرُوا اللَّهَ العَظِيْمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوْهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ ٱللَّهِ أَكۡبَرُۗ وَٱللَّهُ يَعۡلَمُ مَا تَصۡنَعُونَ.

جابتن حال إحوال اكام إسلام ڤولاو ڤينڠ

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG